



18 OCT, 2021

## MOSTI optimis jadikan negara berteknologi tinggi



Utusan Sarawak, Malaysia

Page 1 of 2

## MOSTI optimis jadikan negara berteknologi tinggi

**PUTRAJAYA:** Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) optimis dalam melaksanakan dan menjayakan dasar dan inisiatif yang digariskan bagi meletakkan Malaysia sebagai negara berteknologi tinggi menjelang 2030, kata Menterinya Datuk Seri Dr. Adham Baba Beliau berkata, MOSTI menyambut baik pengumuman Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob ketika pembukaan Invest Malaysia 2021 baru-baru ini, untuk menjadikan Malaysia negara berteknologi tinggi menjelang 2030 yang menyasarkan untuk mewujudkan satu ekosistem dalam ekonomi yang diterajui sains, teknologi dan inovasi.

Ini akan akan memudahkan pembangunan teknologi tempatan dengan mewujudkan peluang ekonomi dan melahirkan bakat atau tenaga kerja dalam bidang kecerdasan buatan (AI), Internet benda (IoT) dan teknologi blok rantai.

"Sasaran yang diumumkan Perdana Menteri adalah selaras dengan Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara (DSTIN) 2021-2030. Untuk makluman, Malaysia telah menunjukkan perkembangan keluaran dalam negara kasar (KDNK) yang pesat daripada RM204 bilion pada 1991 ke RM1.34 trillion pada 2020, hasil pelaksanaan berkesan pelbagai dasar negara.

"Ini termasuklah DSTIN 2021-2030 yang menyasarkan pembangunan ekonomi, peningkatan kualiti hidup serta kesejahteraan masyarakat dalam usaha menca-

pai status negara berteknologi tinggi pada 2030," kata Dr. Adham dalam satu kenyataan di sini semalam.

Beliau berkata, pengukuran ekosistem sains, teknologi dan inovasi termasuk penyelidikan dan pembangunan (R&D), menjadi antara fokus utama DSTIN bagi mencapai sasaran 2.5 peratus nisbah perbelanjaan kasar R&D (GERD) terhadap KDNK pada 2025 dan 3.5 peratus pada 2030.

Katanya, usaha ini disokong oleh penjajaran bidang keutamaan R&D negara dengan memberi tumpuan kepada penyelidikan eksperimental, selain inisiatif MOSTI melalui agensi dibawahnya termasuk 'Technology Commercialisation Accelerator' dan 'Malaysia Science Endowment' untuk memacu usaha pembangunan dan pengaplikasian teknologi tempatan dalam kalangan pemain industri, dan seterusnya membantu negara mendepani revolusi perindustrian keempat.

Dr. Adham berkata, antara sasaran MOSTI adalah untuk menjadi negara pengeluar vaksin, menjana RM600 bilion potensi pulangan perdagangan bagi sektor elektrik dan elektronik pada 2025, memberi sumbangan signifikan kepada KDNK melalui bidang-bidang yang telah dikenal pasti, mewujudkan peluang pekerjaan dalam pelbagai bidang sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM), serta perwujudan 5,000 syarikat pemula menjelang 2025.  
- Bernama



18 OCT, 2021

## MOSTI optimis jadikan negara berteknologi tinggi

Utusan Sarawak, Malaysia



Page 2 of 2

### SUMMARIES

PUTRAJAYA: Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) optimis dalam melaksanakan dan menjayakan dasar dan inisiatif yang digariskan bagi meletakkan Malaysia sebagai negara berteknologi tinggi menjelang 2030, kata Menterinya Datuk Seri Dr.